

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 17 OGOS 2020 (ISNIN)

JAWAPAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah permohonan pekerja asing dalam sektor Pertanian dan industri makanan pada tahun 2017, 2018 dan 2019. Bagaimana Kementerian menyelesaikan masalah kekurangan pekerja asing dalam sektor 3D ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan statistik Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dari tahun 2017 sehingga 2019, sebanyak 5,307 permohonan daripada majikan telah diterima dalam sektor pertanian. Permohonan ini melibatkan seramai 138,403 orang pekerja asing.
2. Pada tahun 2017, sebanyak 1,855 permohonan daripada majikan telah diterima dan 1,094 permohonan telah diluluskan. Kelulusan ini melibatkan seramai 16,304 pekerja asing.
3. Manakala pada tahun 2018, sebanyak 1,557 permohonan daripada majikan telah diterima dan 653 permohonan telah diluluskan. Kelulusan ini melibatkan seramai 14,014 pekerja asing.
4. Seterusnya, pada tahun 2019, sebanyak 1,895 permohonan daripada majikan telah diterima dan 735 permohonan telah diluluskan melibatkan seramai 13,105 pekerja asing.
5. Untuk makluman Dewan yang Mulia, Kementerian Sumber Manusia (KSM) tiada maklumat mengenai permohonan penggajian pekerja asing bagi industri makanan.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Pada masa ini, Kerajaan mengutamakan rakyat tempatan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing. Kerajaan hanya memberikan kebenaran penggajian pekerja asing di sektor dan sub-sektor tertentu bagi kategori pekerjaan asas berkemahiran rendah yang kurang diminati oleh rakyat tempatan.

Untuk makluman Dewan yang Mulia,

7. Berikut adalah langkah KSM dalam usaha menyelesaikan masalah kekurangan pekerja sektor 3D (*Dirty, Dangerous, Difficult*) di negara ini, pelbagai langkah telah diambil oleh seperti:

i. menetapkan kadar gaji minimum bagi menarik minat lebih ramai pencari kerja rakyat tempatan. Pada ketika ini, Kerajaan telah melaksanakan kadar gaji minimum RM1,200 sebulan bagi pekerja di wilayah bandar-bandar utama manakala RM1,100 sebulan bagi pekerja di luar wilayah bandar-bandar utama;

ii. mengadakan kolaborasi antara Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dengan majikan melalui Program Penempatan Pekerjaan (3P) untuk memudahkan proses penempatan kepada pencari kerja tempatan yang berminat dalam sektor pertanian;

iii. menggalakkan sektor-sektor berintensifkan buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi; dan

iv. memberi kemudahan kepada majikan untuk mengambil pekerja asing melalui proses pertukaran majikan.

Sekian, terima kasih.